

**KAJIAN KES: RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN DI KAMPUNG
LAUT 1, TUMPAT, KELANTAN.**

FYP FTKW



BADRUL HAMIZAN BIN USRIZAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

DENGAN KEPUJIAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN KES: RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN DI KAMPUNG
LAUT, TUMPAT, KELANTAN.**

DISEDIAKAN OLEH:

BADRUL HAMIZAN BIN USRIZAN

Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir

Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur diucapkan kehadiran Allah S.W.T di atas limpah dan rahmatNya, dapat saya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya walaupun terdapat pelbagai cabaran dan rintangan yang perlu saya tempuhi sepanjang menjalankan kajian ini.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat penyelia saya iaitu Encik Sahrudin Bin Mohamed Som kerana telah banyak memberikan panduan, ilmu dan dorongan untuk mencapai keputusan penyelidikan yang berkualiti tinggi. Segala ilmu yang beliau berikan untuk menyokong projek penyelidikan ini sangat membantu dalam penulisan saya. Selain itu, beliau sentiasa membetulkan kesalahan saya untuk mendapatkan penulisan yang baik dan banyak memberikan idea-idea yang bernas.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan dan keluarga saya yang telah membantu saya menyiapkan projek penyelidikan ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tidak lupa juga kepada masyarakat sekitar Kampung Laut 1 yang banyak membantu saya dalam memberi maklumat mengenai kajian saya ini. Saya berharap penyelidikan yang saya jalankan ini dapat memberi manfaat sebagai bahan rujukan untuk penyelidik masa akan datang, sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1 - 2
	1.2 Latar Belakang Kajian	2 - 3
	1.3 Permasalahan Kajian	3 - 4
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Skop Kajian	6 - 7
	1.7 Kepentingan Kajian	7 - 8
	1.8 Rumusan	9
BAB 2	SOROTAN KAJIAN LEPAS	
	2.1 Pengenalan	10
	2.2 Definisi Rumah Tradisional Melayu	10 - 11
	2.3 Rumah Tradisional Melayu Dengan Nilai Warisan	11
	2.3.1 Identiti Budaya	11
	2.3.2 Tarikan Pelancong	12
	2.3.3 Kelestarian Budaya	12
	2.4 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Kelantan	12 - 13

2.4.1 Rumah Bujang	14
2.4.2 Rumah Tiang Dua Belas	14
2.5 Perbandingan Rumah Tradisional Melayu	15 - 16
2.6 Pemetaan Taburan Rumah	17
2.7 Warisan	18
2.8 Pemeliharaan Warisan	19
2.9 Rumusan	20
BAB 3	
METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	21
3.2 Reka Bentuk Kajian	21
3.2.1 Kaedah Kualitatif	21 - 22
3.3 Pengumpulan Data	23
3.3.1 Data Primer	23
3.3.2 Data Sekunder	23
3.4 Instrumen Kajian	23
3.4.1 Kajian Internet	24
3.4.2 Kajian Perpustakaan	24
3.4.3 Kaedah Pemerhatian	24
3.4.4 Kaedah Fotografi	24

3.5 Analisis Data	24 - 25
3.6 Rumusan	26
BAB 4	
DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	27 - 28
4.2 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1	29
4.2.1 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Kelantan (RT1)	30 – 31
4.2.2 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Kelantan (RT2)	31 – 32
4.2.3 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Kelantan (RT3)	32 -33
4.2.4 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Kelantan (RT4)	33 – 34
4.2.5 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Kelantan (RT5)	34 – 35
4.2.6 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Kelantan (RT6)	35 – 36
4.2.7 Tipologi Rumah Tradisional	

Melayu Kelantan (RT7)	36 – 37
4.2.8 Tipologi Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan (RT8)	37 – 38
4.2.9 Tipologi Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan (RT9)	38 – 39
4.2.10 Tipologi Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan (RT10)	39 – 40
4.2.11 Tipologi Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan (RT11)	41
4.2.12 Tipologi Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan (RT12)	42
4.2.13 Tipologi Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan (RT13)	43 – 44
4.2.14 Tipologi Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan (RT14)	44 – 45
4.2.15 Tipologi Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan (RT15)	45 – 46
4.2.16 Tipologi Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan (RT16)	46 – 47
4.2.17 Tipologi Rumah Tradisional	

Melayu Kelantan (RT17)	47 – 48
4.2.18 Tipologi Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan (RT18)	48 – 49
4.3 Lokasi Taburan Rumah Tradisional Melayu	
Kelantan di Kampung Laut 1	50
4.3.1 Pemetaan Taburan Rumah Tradisional	
Melayu Kelantan di Kampung Laut 1	51 – 57
4.4 Tahap Pengekalan Rumah Tradisional Melayu	
Kelantan di Kampung Laut 1	58
4.4.1 Tahap Pengekalan Anjung/Beranda pada Rumah Tradisional Melayu Kelantan	59
4.4.2 Tahap Pengekalan Rumah Ibu pada Rumah Tradisional Melayu Kelantan	60
4.4.3 Tahap Pengekalan Rumah Tengah pada Rumah Tradisional Melayu Kelantan	61
4.4.4 Tahap Pengekalan Rumah Dapur pada Rumah Tradisional Melayu Kelantan	62 – 63
4.4.5 Tahap Pengekalan Tebar Layar pada Rumah Tradisional Melayu Kelantan	63 – 64
4.4.6 Tahap Pengekalan Pemeleh	

	pada Rumah Tradisional Melayu Kelantan	64 – 65
	4.4.7 Tahap Pengekalan Lantai Berpanggung pada Rumah Tradisional Melayu Kelantan	65 – 66
	4.4.8 Tahap Pengekalan Dinding pada Rumah Tradisional Melayu Kelantan	67 – 68
	4.4.9 Tahap Pengekalan Kemasan Bumbung pada Rumah Tradisional Melayu Kelantan	68 – 69
	4.5 Rumusan	70
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	5.1 Pengenalan	71
	5.2 Rumusan	72 – 73
	5.3 Cadangan	73 – 75
	5.4 Penutup	76
	RUJUKAN	77 – 78
	LAMPIRAN	79 - 81

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Rumah Tradisional Melayu Kelantan	3
Rajah 1.2	Peta Kampung Laut	7
Rajah 2.1	Rumah Bumbung Panjang Kelantan	13
Rajah 2.2	Ciri Rumah Tradisional Kelantan	13
Rajah 2.3	Rumah Tradisional Melaka	15
Rajah 2.4	Rumah Melayu Sarawak	15
Rajah 2.5	Rumah Limas Johor	16
Rajah 2.6	Rumah Serambi Pahang	16
Rajah 2.7	Rumah Tiang Dua Belas Kelantan	16
Rajah 2.8	Peta Rumah Adat Daerah Sungai Kampar	17
Rajah 4.1	Lokasi Taburan Rumah di Kampung Laut 1	51
Rajah 4.2	Lokasi Taburan Rumah di Kampung Laut 1	53
Rajah 4.3	Lokasi Taburan Rumah di Kampung Laut 1	55

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	Borang Inventori bagi RT1	30
Jadual 4.2	Borang Inventori bagi RT2	31
Jadual 4.3	Borang Inventori bagi RT3	32
Jadual 4.4	Borang Inventori bagi RT4	33
Jadual 4.5	Borang Inventori bagi RT5	34
Jadual 4.6	Borang Inventori bagi RT6	35
Jadual 4.7	Borang Inventori bagi RT7	36
Jadual 4.8	Borang Inventori bagi RT8	37
Jadual 4.9	Borang Inventori bagi RT9	38 – 39
Jadual 4.10	Borang Inventori bagi RT10	39 – 40
Jadual 4.11	Borang Inventori bagi RT11	41
Jadual 4.12	Borang Inventori bagi RT12	42
Jadual 4.13	Borang Inventori bagi RT13	43
Jadual 4.14	Borang Inventori bagi RT14	44
Jadual 4.15	Borang Inventori bagi RT15	45
Jadual 4.16	Borang Inventori bagi RT16	46
Jadual 4.17	Borang Inventori bagi RT17	47
Jadual 4.18	Borang Inventori bagi RT18	48

Jadual 4.19	Tahap Pengekalan Anjung/Beranda	59
Jadual 4.20	Tahap Pengekalan Rumah Ibu	60
Jadual 4.21	Tahap Pengekalan Rumah Tengah	61
Jadual 4.22	Tahap Pengekalan Rumah Dapur	62
Jadual 4.23	Tahap Pengekalan Tebar Layar	63
Jadual 4.24	Tahap Pengekalan Pemeleh	64
Jadual 4.25	Tahap Pengekalan Lantai Berpanggung	65
Jadual 4.26	Tahap Pengekalan Dinding	67
Jadual 4.27	Tahap Pengekalan Kemasan Bumbung	68

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian kes melibatkan “Rumah Tradisional Melayu Kelantan”. Rumah tradisional ini merupakan hasil seni bina yang dihasilkan oleh masyarakat melayu Kelantan pada satu ketika dahulu yang terdapat di kawasan perkampungan iaitu Kampung Laut 1, Tumpat Kelantan. Bangunan bersejarah seperti rumah tradisional ini adalah warisan budaya ketara yang perlu dipelihara kerana mempunyai nilai warisan bagi kepentingan sejarah. Nilai warisan juga merupakan salah satu tarikan pelancong yang dapat membantu dalam perkembangan ekonomi tempat tersebut mahupun negara. Seni bina sesebuah bangunan seperti rumah juga merupakan nilai warisan yang memiliki ciri yang tersendiri dan unik. Setiap binaan yang dihasilkan mempunyai Teknik pembinaan, falsafah dan seni halus yang berlainan. Kajian ini dijalankan untuk melihat adakah masyarakat kini masih mengetahui tentang sejarah kewujudan rumah tradisional melayu Kelantan ini di Kampung Laut 1. Kajian ini dilakukan berlandaskan objektif kajian iaitu mengenalpasti tipologi rumah tradisional melayu Kelantan, mengenalpasti taburan rumah tradisional melayu Kelantan dan mengukur tahap pengkalan rumah tradisional melayu Kelantan yang terdapat di Kampung Laut 1. Kajian ini dilengkapi dengan hasil dapatan kajian melalui pemerhatian, kajian internet dan fotografi semasa melakukan kajian lapangan di Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan.

Kata Kunci: Nilai Warisan, Sejarah Rumah Tradisional Melayu Kelantan, Kampung Laut 1

ABSTRACT

This study is a case study involving "Traditional Malay Houses of Kelantan". This traditional house is the result of architecture produced by the Kelantan Malay community at one time in the past in the village area of Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan. Historic buildings such as traditional houses are significant cultural heritage that need to be preserved because they have heritage value for historical significance. Heritage value is also one of the tourist attractions that can help in the economic development of the place as well as the country. The architecture of a building such as a house is also a heritage value that has its own unique characteristics. Each building produced has a different construction technique, philosophy and fine art. This study was conducted to see if the community still knows about the history of the existence of this traditional Malay house in Kelantan in Kampung Laut 1. This study was conducted based on the objective of the study which is to identify the typology of traditional Malay houses in Kelantan, identify the distribution of traditional Malay houses in Kelantan and measure the level of maintenance of traditional Malay houses in Kelantan located in Kampung Laut 1. This study is completed with the results of the study through observation, internet research and photography while conducting field research in Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan.

Keywords: Heritage Value, History of Kelantan Traditional Malay House, Kampung Laut 1

BAB 1:

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Rumah tradisional Melayu merupakan tempat tinggal dan tempat berteduh masyarakat Melayu yang telah wujud pada sejak dahulu lagi sebelum munculnya pengaruh luar yang telah memodenkan reka bentuk rumah pada era ini. Rumah tradisional Melayu ini dibina oleh masyarakat Melayu sendiri yang terdapat di Tanah Melayu pada masa dahulu. Reka bentuk rumah tradisional ini mempunyai ciri yang tersendiri terutamanya hiasan yang digunakan pada bahagian luar dan dalam rumah yang mempunyai unsur-unsur yang berkaitan dengan persekitaran di sekeliling. Rumah tradisional Melayu yang masih kekal hingga harini ini perlu dijaga dan diselenggara agar kekal kukuh untuk pada masa akan datang. Gaya reka bentuk rumah tradisional Melayu perlu diperluaskan pada reka bentuk rumah pada era ini bagi mengekalkan sejarah dan budaya masyarakat Melayu yang pernah wujud pada suatu ketika dahulu.

Kampung Laut 1 adalah sebuah kawasan yang terletak berhampiran tepi laut di daerah Tumpat, Kelantan. Pada mulanya, Kampung Laut 1 ini sangat berhampiran dengan laut namun setelah berlakunya pembesaran kawasan yang ditambah jarak Kampung Laut 1 ini semakin jauh dengan tepi laut. Kawasan Kampung Laut 1 ini juga telah menjadi semakin besar setelah berlakunya pembesaran kawasan di Sungai Kelantan. Kampung Laut 1 pada awalnya, sangat terkenal dengan nama Kampung Warisan kerana Masjid Kampung Laut yang telah lama dibina itu merupakan salah satu khazanah warisan yang terdapat di negara kita disebabkan usianya yang beratus tahun dan mempunyai nilai

sejarah yang sangat penting terutamanya untuk masyarakat di negeri Kelantan. Menurut ahli sejarah Kampung Laut 1 ini juga pernah menjadi pusat kegiatan ekonomi dan sosial yang sangat terkenal pada suatu ketika dahulu kerana kedudukannya yang strategik.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Rumah tradisional Melayu Kelantan merupakan satu binaan yang dibina oleh masyarakat Melayu Kelantan untuk dijadikan tempat tinggal untuk berehat dan berteduh bersama keluarga mereka. Rumah tradisional ini dibina dengan menggunakan bahan semula jadi seperti kayu dan lain-lain lagi. Masyarakat Melayu Kelantan pada masa dahulu membina rumah tanpa menggunakan bahan logam malah menggunakan kayu untuk membina keseluruhan bangunan rumah. Rumah tradisional Melayu Kelantan mempunyai keunikan dan kelainan daripada rumah tradisional Melayu negeri lain kerana menggunakan pemeleh dan genting singgora untuk dijadikan bahagian bumbung rumah. Di Malaysia terdapat pelbagai jenis rumah tradisional Melayu mengikut negeri seperti di Kelantan Melaka, Pahang, Perak dan lain-lain lagi.

Selain itu, kesemua rumah tradisional Melayu di berlainan negeri ini dapat dilihat melalui perbezaan rekabentuk rumah antara rumah di negeri-negeri lain. Selepas kemasukan pengaruh luar di Tanah Melayu reka bentuk rumah tradisional Melayu ini telah di modenkan dengan reka bentuk barat. Rumah tradisional ini juga telah dibiarkan begitu sahaja dan tidak digunakan lagi pada era ini kerana kos untuk memulihara rumah tradisional sangat mahal. Namun, di Kampung Laut 1 masih terdapat banyak rumah tradisional Melayu Kelantan yang digunakan sehingga hari ini. Rumah tradisional Melayu Kelantan ini pada asasnya mempunyai 3 bahagian iaitu rumah ibu, rumah tengah

dan rumah dapur. Oleh itu, pengkaji telah mencadang untuk membuat kajian mengenai tahap pengekalan rumah tradisional melayu Kelantan di Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan.



Rajah 1.1: Rumah Tradisional Melayu Kelantan

Sumber: Kajian Internet (2023)

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada era ini, pengetahuan masyarakat mengenai jenis rumah tradisional Melayu yang berada di sekeliling mereka semakin pupus. Hal ini menyebabkan, berlakunya kekeliruan jenis rumah tradisional yang dibina oleh masyarakat negeri Kelantan sendiri dengan hasil binaan rumah moden oleh Masyarakat yang berada di Malaysia. Menurut (Mashitah Sulaiman M. N., 2021), warisan budaya seni bina Melayu ini kian terpinggir dalam arus kemodenan dan kepesatan pembangunan. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi mengelak berlakunya kekeliruan terhadap jenis rumah tradisional melayu yang berada di sekitar Kampung Laut 1 yang masih utuh berdiri hingga hari ini.

Selain itu, lokasi rumah tradisional ini tidak diketahui ramai dan kurang pemetaan terhadap bangunan warisan ini yang berada di kawasan Kampung Laut 1. Masyarakat juga seolah-olah tidak tahu mengenai rumah tradisional ini yang terdapat di kawasan tersebut. Kajian terhadap pemetaan tapak warisan di Malaysia masih kurang (Soliah Mustafa, 2015) Hal ini menunjukkan pengetahuan masyarakat pada era ini tidak didedahkan dengan sejarah dan lokasi pembinaan rumah tradisional Melayu Kelantan ini.

Di samping itu, tahap pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap rumah tradisional Melayu Kelantan tidak terjaga. Menurut (Nik Hanapi dan Tugang, 2021), di Malaysia terdapat banyak bangunan bersejarah tidak diselenggara dan berada dalam keadaan yang terbiar. Hal ini menunjukkan tinggalan sejarah Melayu di negeri Kelantan tidak mendapat perhatian yang menggalakkan oleh masyarakat setempat sehinggakan rumah tradisional yang mempunyai Sejarah ini dibiarkan dan dimusnahkan begitu sahaja. Rumah tradisional Melayu Kelantan ini adalah tinggalan masyarakat terdahulu yang perlu dijaga dengan baik namun tetap diancam dengan kerosakan yang teruk kerana tidak mengambil tindakan untuk memulihara rumah tradisional ini. Oleh itu, tahap pengekalannya untuk rumah tradisional Melayu Kelantan ini perlu dititikberatkan untuk mengekalkan warisan sejarah masyarakat Melayu Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat tiga persoalan dalam kajian yang dijalankan ini:

- I. Apakah tipologi rumah tradisional Melayu Kelantan yang terdapat di Kampung Laut 1?
- II. Dimanakah lokasi taburan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1?
- III. Bagaimanakah tahap pengekalan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif penyelidikan ini dilakukan adalah untuk:

1. Untuk mengkaji tipologi rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1.
2. Untuk mengenalpasti lokasi taburan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1.
3. Untuk mengukur tahap pengekalan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1.

1.6 SKOP KAJIAN

Dalam kajian yang dijalankan ini terdapat beberapa skop seperti berikut:

I. TIPOLOGI

Kajian ini bertujuan mengkaji tipologi rumah tradisional Melayu Kelantan yang terdapat di Kampung Laut 1 berdasarkan kawasan sekitar yang berhampiran dengan Masjid Kampung Laut.

II. TABURAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti lokasi taburan rumah tradisional Melayu Kelantan yang terletak di kawasan sekitar Kampung Laut 1.

III. TAHAP PENGEKALAN

Kajian ini akan mengukur tahap pengekalan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1 berdasarkan ciri-ciri estetika rumah melayu Kelantan.



Rajah 1.2: Peta Kampung Laut 1

Sumber: Google Earth (2023)

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat beberapa aspek kepentingan terhadap rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1 dari segi individu, masyarakat dan sektor pelancongan.

1.7.1 INDIVIDU

Dari perspektif individu, kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan sebagai bahan bacaan dan rujukan kepada individu untuk menjalankan kajian mengenai rumah tradisional Melayu Kelantan yang berkaitan dengan mengenalpasti tipologi rumah tradisional, mengenalpasti taburan rumah yang berada dikawasan yang dikaji dan memerhati tahap pengekalan rumah tradisional. Hal ini demikian kerana, maklumat yang berkaitan dengan kajian ini diperolehi

daripada sumber yang benar. Oleh itu, dengan kajian ini dapat membuka mata individu lain untuk turut mencari maklumat tentang rumah tradisional Melayu Kelantan.

1.7.2 MASYARAKAT

Dari perspektif masyarakat, kajian ini sangat penting kepada masyarakat negeri Kelantan terutamanya yang tinggal di Kampung Laut 1. Hal ini kerana, rumah tradisional Melayu Kelantan sudah kurang dibina di negeri Kelantan kerana kebanyakannya dibina mengikut cara moden menggunakan batu bata dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk mengenali dengan lebih mendalam tentang adanya rumah tradisional Melayu Kelantan ini dan memberi peluang kepada generasi akan datang melihat sendiri dan merasai pengalaman tinggal dalam rumah tradisional Melayu Kelantan.

1.7.3 SEKTOR PELANCONGAN

Dari perspektif sektor pelancongan pula penting bagi mengekalkan dan mempertahankan sejarah rumah tradisional Melayu yang terdapat di negeri Kelantan ini kerana sejarah tidak boleh dikembalikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, rumah tradisional ini mampu menarik minat pelancong untuk datang ke negeri Kelantan terutamanya pelancong yang minat akan warisan dan budaya yang terdapat pada rumah tradisional Melayu Kelantan. Oleh itu, rumah tradisional ini mampu menaikkan nama negara dan negeri Kelantan terkenal dimata dunia dengan keunikannya.

1.8 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bab pertama ini menerangkan secara ringkas perkara yang perlu difahamkan sebelum memulakan sebarang kajian. Hal ini kerana, untuk mengelakkan berlakunya kesilapan semasa menjalankan kajian. Oleh itu, perkara yang diterangkan dalam bab ini perlu difahami dengan teliti supaya kajian ini akan berjaya.



BAB 2:

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini menceritakan tentang sorotan kajian lepas yang dijalankan berdasarkan tajuk kajian yang pengkaji pilih iaitu Rumah Tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1. Bab ini juga merupakan fakta yang menyokong objektif sesuatu kajian. Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji menjalankan kajian dan mencari maklumat berdasarkan kajian-kajian lepas. Oleh itu, untuk mengukuhkan lagi kajian ini pengkaji melakukan pencarian maklumat melalui artikel, buku dan lain-lain lagi.

2.2 DEFINISI RUMAH TRADISIONAL MELAYU

Rumah tradisional Melayu merupakan sejenis rumah yang dibina dan digunakan oleh masyarakat Melayu yang tinggal dikawasan Nusantara terutamanya di sekitar Malaysia. Rumah yang dibina ini menggambarkan budaya dan kehidupan masyarakat Melayu di setiap negeri yang terdapat di dalam Malaysia. Nilai sesuatu budaya juga dapat dilihat terus melalui seni bina rumah tradisional Melayu yang dibangunkan.

Menurut (Fadhlina Ahmad, 2012) rumah tradisional melayu adalah sebuah binaan yang merupakan tempat berehat dan perlindungan secara turun-temurun oleh ahli keluarga pada masa dahulu. Adat dan kepercayaan sesuatu masyarakat telah menjadi amalan sehati sejak dahulu lagi. Hal ini, menerangkan bahawa rumah tradisional melayu adalah sebuah rumah bagi masyarakat Melayu turun-temurun lagi yang melambangkan adat dan budaya sesetengah masyarakat yang berada di Malaysia.

Rumah tradisional Melayu adalah satu seni pertukangan masyarakat Melayu dari sejak dahulu lagi yang sangat unik dan istimewa. Teknik yang digunakan dalam satu-satu pembinaan rumah tradisional berkait rapat dengan unsur alam sekitar di kawasan pembinaan rumah. Pembinaan rumah tradisional Melayu ini dihubungkan dengan budaya, kepercayaan dan adat masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana, keunikan yang terdapat pada seni bina rumah sangat teliti dan halus yang dihasilkan dalam seni pertukangan (Mashitah Sulaiman, 2021).

2.3 RUMAH TRADISIONAL MELAYU DENGAN NILAI WARISAN

Rumah tradisional Melayu adalah nilai warisan yang sangat penting untuk budaya dan sejarah sesebuah negara. Rumah tradisional Melayu ini bukan sahaja tempat tinggal malah merupakan lambang budaya dan sejarah bagi sesebuah negara. Hal ini dapat mempertahankan nilai warisan untuk generasi yang akan datang. Oleh itu, terdapat beberapa nilai warisan bagi rumah tradisional Melayu ini.

2.3.1 IDENTITI BUDAYA

Rumah tradisional adalah simbol budaya dan identiti masyarakat Melayu. Seni bina, hiasan dan ukiran kayu yang unik mencerminkan kekayaan seni dan kemahiran tradisional masyarakat Melayu. Rumah-rumah ini menjadi ikon yang menggambarkan kekayaan dan keindahan budaya masyarakat Melayu dari sejak dahulu lagi.

2.3.2 TARIKAN PELANCONG

Rumah tradisional Melayu yang masih wujud dan diselenggara dengan baik boleh dijadikan sebagai tarikan pelancong. Hal ini kerana, rumah tradisional menarik untuk pelancong dalam negara mahupun luar negara. Pelancong juga boleh mempelajari budaya Melayu dari segi seni ukiran kayu yang indah dan merasai suasana kehidupan tradisional Melayu. Justeru itu, rumah tradisional Melayu menyumbang kepada pembangunan pelancongan dan ekonomi negara.

2.3.3 KELESTARIAN BUDAYA

Rumah tradisional Melayu merupakan pusat aktiviti budaya dan tradisi masyarakat Melayu. Di dalamnya pelbagai upacara, acara tradisional dan aktiviti sosial dijalankan yang mengekalkan warisan budaya. Rumah-rumah ini merupakan tempat penting dalam mengekalkan, memelihara dan mewariskan tradisi dan adat Melayu turun-temurun sejak dahulu lagi.

2.4 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN

Negeri Kelantan juga mempunyai rumah tradisional Melayu yang dibina pada masa dahulu di sekitar Kelantan. Seni bina rumah negeri Kelantan juga sangat unik dan mempunyai ciri yang tersendiri. Pada satu ketika dahulu negeri Kelantan juga merupakan tempat persinggahan dan tempat perdagangan bagi masyarakat China, India dan Arab. Menurut (YAHYA, 1995) seni bina rumah tradisional Melayu Kelantan ini juga antara pengaruh syariat Islam luar yang datang ke dalam masyarakat Kelantan. Oleh itu, di negeri

Kelantan terdapat dua jenis rumah yang beratap panjang iaitu rumah bujang dan rumah tiang dua belas (Mashitah Sulaiman, 2021).



Rajah 2.1: Rumah Bumbung Panjang Kelantan

Sumber: Kajian Internet (2023)



Rajah 2.2: Ciri Rumah Tradisional Kelantan

Sumber: Kajian Internet (2023)

2.4.1 RUMAH BUJANG

Menurut (Abdul Halim Nasir, 1994) Rumah bujang atau juga dikenali sebagai rumah tunggal adalah rumah yang dihasilkan oleh masyarakat Kelantan sendiri yang bersifat sederhana. Rumah bujang ini antara rumah paling awal yang digunakan oleh masyarakat Kelantan pada satu ketika dahulu. Rumah ini juga tidak asing lagi dengan masyarakat di Kelantan kerana jenis rumah yang bersifat sederhana dengan atap berbentuk huruf “alif lam” terbalik. Rumah ini mempunyai tiga ruangan iaitu rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Antara ketiga-tiga ruangan ini tidak terpisah dengan dinding namun terbahagi dengan kain yang dikenali sebagai tirai (Abror, 2016).

2.4.1 RUMAH TIANG DUA BELAS

Rumah tiang dua belas hanya digunakan oleh masyarakat yang kaya dan ternama sahaja. Rumah ini juga mempunyai keunikan pada dinding dengan ukiran yang rumit yang melambangkan status pemilik rumah. Selain itu, keunikan yang terdapat pada rumah tiang dua belas ini ialah terdapat 12 batang tiang. Rumah ini mempunyai tiga bahagian iaitu rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Bahagian rumah ibu adalah ruangan yang paling besar untuk menyambut tetamu dan rumah tengah dijadikan sebagai bilik manakala rumah dapur dijadikan sebagai tempat memasak dan lain-lain lagi (Abror, 2016).

2.5 RUMAH TRADISIONAL MELAYU YANG MEMPUNYAI KELAINAN TERSENDIRI

Berikut adalah beberapa rumah tradisional melayu yang terdapat di Malaysia dengan keunikan dan kelainannya yang tersendiri yang dapat menarik minat masyarakat:

Bil.	Rajah	Ciri-Ciri Kelainan
1.	 <p style="text-align: center;">Rajah 2.3: Rumah Tradisional Melaka</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tangga batu yang cantik. • Bumbung Panjang • Seni bina Riau, Bugis, Jambi dan Minangkabau.
2.	 <p style="text-align: center;">Rajah 2.4: Rumah Melayu Sarawak</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Loteng yang unik. • Dibina menggunakan kayu. • Menggunakan atap genting.

<p>3.</p>	 <p>Rajah 2.5: Rumah Limas Johor</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengaruh Belanda dan British. • Perabung panjang. • Empat perabung limas.
<p>4.</p>	 <p>Rajah 2.6: Rumah Serambi Pahang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bumbung panjang. • Bendul 0.4 meter. • Dibina tanpa paku. • Mempunyai lebih pengikat rangka rumah.
<p>5.</p>	 <p>Rajah 2.7: Rumah Tiang Dua Belas Kelantan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai 12 batang tiang. • Mempunyai pemeleh, tiba layar dan genting singgora. • Terbahagi kepada 3 bahagian.

2.6 PEMETAAN TABURAN RUMAH

Menurut (Sudarmin, 2014) menggambarkan dengan menanda pada peta tentang bentuk seni bina rumah tradisional daerah Riau pada tempat yang berlainan berdasarkan adat yang diamalkan oleh masyarakat setempat. Daerah Riau secara geografinya berada pada kedudukan antara 1 darjah 15" garis lintang selatan dan 4 darjah 45" pada garis lintang utara atau antara 100 darjah 03" dan 109 darjah 19" garis bujur darat.

Selain itu, pemetaan akan dilakukan untuk menentukan titik lokasi dimana bangunan itu berada dan mengenalpasti bangunan tersebut. Hasil daripada lapangan yang diambil dan disusun pada peta dasar kemudian akan dipindahkan dalam *google map* (Teddy Hartawan, 2018).



Rajah 2.8: Peta Rumah Adat Daerah Sungai Kampar

Sumber: Kajian Internet (2023)

2.7 WARISAN

Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah menggariskan prinsip dan peraturan mengenai perlindungan memulihara dan melestarikan warisan dan budaya mengikut definisi warisan yang telah ditetapkan. Di Malaysia terdapat pelbagai kaum dan etnik yang mempunyai kepelbagaian dalam warisan budaya masyarakat sendiri. Warisan adalah salah satu khazanah bagi negara yang harus dilindungi dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui warisan budaya melambangkan identity bagi sesebuah negara (YUSZAIDY MOHD YUSOFF, 2011).

Menurut (YUSZAIDY MOHD YUSOFF, 2011) warisan merupakan sesuatu perkara yang telah diwariskan secara turun-temurun daripada masyarakat masa dahulu. Akta 179 Harta Benda Purba, 1976 telah menerangkan tentang warisan terdiri daripada pelbagai jenis bentuk yang ditinggalkan oleh masyarakat dahulu seperti benda yang dapat dilihat mahupun tidak. Hal ini telah menunjukkan negara Malaysia kaya dengan warisan dari sejak dahulu lagi.

Tapak warisan, objek warisan dan warisan kebudayaan bawah air atau orang hidup telah diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan yang telah dinyatakan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Hal ini telah menguatkan lagi bahawa warisan adalah peninggalan masyarakat dahulu yang telah diturunkan kepada masyarakat kini yang melibatkan seni bina, budaya, falsafah, objek dan lain-lain lagi.

2.8 PEMELIHARAAN WARISAN

Pemeliharaan adalah proses dengan mengambil tindakan bagi mengekalkan bentuk sedia ada dan bahan sesebuah bangunan yang berada di tapak warisan. Proses pemeliharaan melibatkan kerja-kerja awal yang dijalankan dan penyelenggaraan secara berterusan yang melibatkan bangunan bersejarah. Manakala pemuliharaan pula adalah proses mengembalikan bentuk sesebuah bangunan ataupun objek warisan pada kedudukan rupa bentuk asal dengan cara melakukan pembaikan semula untuk bahagian yang hilang kepada rupa bentuk asal sesebuah bangunan (Yuszaidy Mohd Yusoff, 2013).

2.9 RUMUSAN

Bab kedua ini menunjukkan bahawa rumah tradisional Melayu Kelantan juga termasuk dalam kategori tapak warisan mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005. Dalam bab ini juga, menceritakan tentang rumah tradisional, tipologi rumah tradisional Melayu Kelantan, cara pemetaan taburan rumah serta ciri keunikan yang terdapat pada rumah tradisional Melayu. Oleh itu, bab ini telah menerangkan tentang kajian lepas yang berkait dengan tajuk kajian yang pengkaji pilih iaitu rumah tradisional Melayu Kelantan.



BAB 3:

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN


Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian meliputi langkah yang digunakan untuk mencapai semua objektif dalam kajian ini. Metodologi kajian ini melibatkan teknik yang digunakan bagi mengumpul dan menganalisis data yang didapati semasa menjalankan kajian lapangan.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini merupakan pelan tindakan yang dibuat oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini dengan sistematik dan kemas. Reka bentuk kajian ini merujuk kepada kaedah yang dipilih untuk menangani permasalahan yang timbul dalam kajian. Permasalahan ini merangkumi tujuan kajian, kaedah pengumpulan data serta menganalisis dan membuat laporan dapatan kajian.

3.2.1 KAEDAH KUALITATIF

Dalam kajian ini, pengkaji akan menjalankan pemerhatian di sekitar Kampung Laut 1 untuk mendapatkan maklumat mengenai rumah tradisional Melayu Kelantan bagi melengkapkan persoalan kajian yang pertama, kedua dan ketiga. Hasil kajian akan dipersembahkan dalam bentuk laporan penceritaan menggunakan data yang pengkaji kumpul.



3.3 PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data adalah langkah yang penting sebelum melanjutkan kajian ke peringkat yang seterusnya.

3.3.1 DATA PRIMER

Sumber data primer adalah secara langsung yang dibuat dengan tujuan untuk menjawab semua persoalan kajian. Kajian lapangan sering digunakan dalam strategi pengumpulan data primer ini untuk mengumpulkan sumber maklumat yang tepat. Sebagai contoh, pengkaji menjalankan pemerhatian dan melakukan fotografi.

3.3.2 DATA SEKUNDER

Sumber data sekunder merupakan data yang dikumpul secara tidak langsung melalui media perantara. Sebagai contoh, pengkaji menggunakan buku, artikel, jurnal dan sumber internet bagi menyelesaikan kajian ini.

3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian adalah peralatan yang digunakan untuk mengumpul data dan maklumat semasa menjalankan kajian seperti kamera, borang inventori, komputer dan buku catatan.

3.4.1 KAJIAN INTERNET

Pengkaji mencari dan menyelidik bahan ilmiah yang berkaitan dengan rumah tradisional Melayu Kelantan dan juga mencari bahan rujukan yang sama dengan objektif kajian ini.

3.4.2 KAJIAN PERPUSTAKAAN

Pengkaji menggunakan buku, artikel, jurnal dan sebagainya yang terdapat dalam perpustakaan untuk dijadikan bahan rujukan.

3.4.3 KAEDAH PEMERHATIAN

Pengkaji menjalankan kajian lapangan untuk mengenalpasti tipologi, lokasi dan mengukur tahap pengekalan rumah tradisional Melayu Kelantan dengan menggunakan borang inventori.

3.4.4 KAEDAH FOTOGRAFI

Pengkaji mengambil gambar rumah tradisional Melayu Kelantan sepanjang menjalankan kajian lapangan menggunakan kamera telefon pintar yang sedia ada.

3.5 ANALISIS DATA

Analisis data merupakan data yang dicatatkan setelah selesai semua maklumat diperolehi. Kajian ini dijalankan selepas semua maklumat dikumpul melalui kaedah pemerhatian, fotografi serta kajian internet dan perpustakaan.

Objektif Kajian	Kaedah Kajian	Instrumen Kajian
Mengkaji tipologi rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kajian internet 2. Pemerhatian 	<p>Kajian Internet</p> <p>Melayari laman web untuk mencari kajian lepas yang berkaitan dengan rumah tradisional Melayu Kelantan.</p> <p>Pemerhatian</p> <p>Melakukan kajian lapangan untuk mendapatkan maklumat tentang rumah tradisional tersebut.</p>
Mengenalpasti taburan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kajian internet 2. Pemerhatian 	<p>Kajian internet</p> <p>Melayari laman web untuk memastikan lokasi kajian.</p> <p>Pemerhatian</p> <p>Melakukan kajian lapangan untuk menanda lokasi dan koordinat rumah tradisional Melayu Kelantan.</p>
Mengukur tahap pengekalan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemerhatian 2. Fotografi 	<p>Pemerhatian</p> <p>Melakukan kajian lapangan untuk merekod keadaan rumah tradisional Melayu Kelantan menggunakan borang inventori.</p> <p>Fotografi</p> <p>Mengambil gambar rumah tradisional tersebut untuk dijadikan sumber data.</p>

3.6 RUMUSAN

Dalam bab ketiga ini menerangkan berkaitan dengan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini. Ini dikatakan kerana matlamat kaedah kajian adalah untuk menjawab soalan. Oleh itu, untuk mendapatkan maklumat dan mengumpul data untuk kajian ini, metodologi kajian adalah penting.



BAB 4:

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini pengkaji akan menerangkan secara terperinci mengenai hasil kajian untuk ketiga-tiga objektif kajian. Erti kata lain, pengkaji akan merumuskan keseluruhan kajian yang dijalankan. Bagi objektif yang pertama adalah mengenalpasti tipologi rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1. Bagi mendapatkan maklumat yang berkenaan pengkaji menggunakan kaedah kajian ilmiah dan juga kaedah pemerhatian. Kaedah ini dijalankan dengan pergi ke pustaka mencari buku yang berkaitan dengan reka bentuk rumah tradisional dan pergi ke lokasi rumah tradisional di kawasan kajian, dengan menggunakan borang inventori pengkaji menjalankan kaedah pemerhatian.

Objektif kedua pula ialah mengenalpasti taburan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1. Kaedah yang digunakan adalah sama dengan objektif pertama seperti melakukan kaedah pemerhatian. Pengkaji pergi ke kawasan kajian yang mempunyai rumah tradisional Melayu Kelantan dan menggunakan bantuan kamera daripada *google maps* bagi mengetahui lokasi dan koordinat bagi setiap rumah tersebut.

Seterusnya, objektif yang ketiga adalah mengukur tahap pengekalahan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1. Bagi mendapatkan maklumat, pengkaji juga menggunakan kaedah seperti objektif pertama dan objektif kedua iaitu kaedah pemerhatian. Melalui kaedah pemerhatian ini pengkaji menggunakan borang inventori

bertujuan mengukur tahap pengekalan binaan rumah tradisional bagi setiap rumah yang terdapat dalam kawasan kajian dan mengambil gambar rumah tradisional tersebut menggunakan kaedah fotografi.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN DI KAMPUNG LAUT 1

Pengkaji menggunakan kaedah ilmiah dan kaedah pemerhatian yang turut dibantu menggunakan borang inventori untuk mengenalpasti rumah yang di jumpai dalam kawasan kajian. Borang inventori ini mempunyai maklumat dan gambar rumah tradisional Melayu Kelantan di kawasan kajian iaitu Kampung Laut 1. Hasil kajian telah dipecahkan daripada satu hingga lapan belas dengan kesemuanya diberikan penerangan secara menyeluruh. Berikut merupakan hasil kajian menggunakan kaedah pemerhatian.

4.2.1 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT1)

Koordinat	6°09'14"N 102°13'44"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah tiang 12	
Kod Rumah	RT1	

Jadual 4.1: Borang Inventori bagi RT1

Tipologi rumah pertama ini merupakan reka bentuk rumah tiang dua belas. Rumah tradisional ini mempunyai dua belas tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan metal deck. Menurut masyarakat setempat pada asalnya kesemua rumah di kawasan ini menggunakan atap singgora namun bumbung rumah ini telah diubahsuai menggunakan metal deck. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah tiang dua belas pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung, rumah

dapur dan kemas bumbung. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'14"N 102°13'44"E.

4.2.2 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT2)

Koordinat	6°09'13"N 102°13'44"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah tiang 12	
Kod Rumah	RT2	

Jadual 4.2: Borang Inventori bagi RT2

Bagi tipologi rumah kedua ini merupakan reka bentuk rumah tiang dua belas. Rumah tradisional ini mempunyai dua belas tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis *asbestos*. Menurut masyarakat setempat pada asalnya kesemua rumah di kawasan ini menggunakan atap singgora namun bumbung rumah ini telah diubahsuai menggunakan *asbestos*. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding papan menegak dan lantai rumah yang

berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah tiang dua belas pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung dan kemas bumbung. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'13"N 102°13'44"E.

4.2.3 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT3)

Koordinat	6°09'13"N 102°13'45"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah tiang 12	
Kod Rumah	RT3	

Jadual 4.3: Borang Inventori bagi RT3

Seterusnya bagi tipologi rumah ketiga ini merupakan reka bentuk rumah tiang dua belas. Rumah tradisional ini mempunyai dua belas tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis *asbestos*. Menurut masyarakat setempat pada asalnya kesemua rumah di kawasan ini menggunakan atap singgora

namun bumbung rumah ini telah diubahsuai menggunakan *asbestos*. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding papan menegak dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah tiang dua belas pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu tebar layar dan kemas bumbung. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'13"N 102°13'45"E.

4.2.4 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT4)

Koordinat	6°09'13"N 102°13'45"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah tiang 12	
Kod Rumah	RT4	

Jadual 4.4: Borang Inventori bagi RT4

Bagi tipologi rumah keempat ini merupakan reka bentuk rumah tiang dua belas. Rumah tradisional ini mempunyai dua belas tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula,

rumah ini menggunakan bumbung jenis atap singgora. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding papan menegak dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini kesemua bahagian seperti rumah tiang dua belas pada asalnya namun terdapat satu bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'13"N 102°13'45"E.

4.2.5 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT5)

Koordinat	6°09'14"N 102°13'45"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah bujang	
Kod Rumah	RT5	

Jadual 4.5: Borang Inventori bagi RT5

Tipologi rumah kelima ini merupakan reka bentuk rumah bujang. Rumah tradisional ini mempunyai enam tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur tetapi ruang dalam rumah lebih kecil berbanding rumah tiang dua belas dalam erti kata lain lebih sempit. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang. Bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan *metal deck*. Menurut

pemilik rumah ini, pada dahulunya menggunakan atap singgora namun bumbung rumah ini telah diubahsuai menggunakan *metal deck* akibat terkena ribut. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding papan menegak dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk dalaman rumah ini masih seperti rumah bujang namun bahagian luar bangunan rumah di sebelah tepi telah diubahsuai. Anjung, rumah dapur, tebar layar, pemeleh dan kemas bumbung juga turut diubahsuai. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'14"N 102°13'45"E.

4.2.6 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT6)

Koordinat	6°09'14"N 102°13'45"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah tiang 12	
Kod Rumah	RT6	

Jadual 4.6: Borang Inventori bagi RT6

Tipologi rumah keenam ini merupakan reka bentuk rumah tiang dua belas. Rumah tradisional ini mempunyai dua belas tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai

pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis *metal deck*. Menurut masyarakat setempat pada asalnya kesemua rumah di kawasan ini menggunakan atap singgora namun bumbung rumah ini telah diubahsuai menggunakan *metal deck*. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah tiang dua belas pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung, tebar layar dan kemas bumbung. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'14"N 102°13'45"E.

4.2.7 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT7)

Koordinat	6°09'13"N 102°13'47"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah bujang	
Kod Rumah	RT7	

Jadual 4.7: Borang Inventori bagi RT7

Seterusnya, tipologi rumah ketujuh ini merupakan reka bentuk rumah bujang. Rumah tradisional ini mempunyai enam tiang yang menjadi tunjang

utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur tetapi ruang dalam rumah lebih kecil berbanding rumah tiang dua belas dalam erti kata lain lebih sempit. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis atap singgora. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding papan menegak dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah bujang pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung dan rumah dapur. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'13"N 102°13'47"E.

4.2.8 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT8)

Koordinat	6°09'12"N 102°13'48"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah bujang	
Kod Rumah	RT8	

Jadual 4.8: Borang Inventori bagi RT8

Bagi tipologi rumah kelapan ini merupakan reka bentuk rumah bujang. Rumah tradisional ini mempunyai enam tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur tetapi ruang dalam rumah lebih kecil berbanding rumah tiang dua belas dalam erti kata lain lebih sempit. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan *asbestos*. Menurut masyarakat setempat pada asalnya kesemua rumah di kawasan ini menggunakan atap singgora namun bumbung rumah ini telah diubahsuai menggunakan *asbestos*. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding papan menegak dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah bujang pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung, rumah dapur, tebar layar dan kemas bumbung. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'12"N 102°13'48"E.

4.2.9 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT9)

Koordinat	6°09'13"N 102°13'48"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah bujang	
Kod Rumah	RT9	

--	--	--

Jadual 4.9: Borang Inventori bagi RT9

Bagi tipologi rumah kesembilan ini merupakan reka bentuk rumah bujang. Rumah tradisional ini mempunyai enam tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur tetapi ruang dalam rumah lebih kecil berbanding rumah tiang dua belas dalam erti kata lain lebih sempit. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan *metal deck*. Menurut masyarakat setempat pada asalnya kesemua rumah di kawasan ini menggunakan atap singgora namun bumbung rumah ini telah diubahsuai menggunakan *metal deck*. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah bujang pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung, rumah dapur, tebar layar dan kemas bumbung. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'13"N 102°13'48"E.

4.2.10 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT10)

Koordinat	6°09'15 "N 102°13'48"E	
-----------	---------------------------	--

Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah bujang	
Kod Rumah	RT10	

Jadual 4.10: Borang Inventori bagi RT10

Seterusnya bagi tipologi rumah kesembilan ini merupakan reka bentuk rumah bujang. Rumah tradisional ini mempunyai enam tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur tetapi ruang dalam rumah lebih kecil berbanding rumah tiang dua belas dalam erti kata lain lebih sempit. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis atap singgora. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah bujang pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung, rumah dapur dan tebar layar. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'15 "N 102°13'48"E.

4.2.11 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT11)

Koordinat	6°09'14"N 102°13'46"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah bujang	
Kod Rumah	RT11	

Jadual 4.11: Borang Inventori bagi RT11

Tipologi rumah kesebelas ini merupakan reka bentuk rumah bujang. Rumah tradisional ini mempunyai enam tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur tetapi ruang dalam rumah lebih kecil berbanding rumah tiang dua belas dalam erti kata lain lebih sempit. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis atap singgora. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah bujang pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung, rumah dapur dan tebar layar. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'14"N 102°13'46"E.

4.2.12 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT12)

Koordinat	6°09'09"N 102°13'46"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah tiang 12	
Kod Rumah	RT12	

Jadual 4.12: Borang Inventori bagi RT12

Tipologi rumah kedua belas ini merupakan reka bentuk rumah tiang dua belas. Rumah tradisional ini mempunyai dua belas tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis atap singgora. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah tiang dua belas pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung dan rumah dapur, manakala tebar layar hilang. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'09"N 102°13'46"E.

4.2.13 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT13)

Koordinat	6°09'13"N 102°13'49"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah bujang	
Kod Rumah	RT13	

Jadual 4.13: Borang Inventori bagi RT13

Seterusnya tipologi rumah ketiga belas ini merupakan reka bentuk rumah bujang. Rumah tradisional ini mempunyai enam tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur tetapi ruang dalam rumah lebih kecil berbanding rumah tiang dua belas dalam erti kata lain lebih sempit. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis atap singgora. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah bujang pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai seperti anjung,

rumah dapur dan tebar layar. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'13"N 102°13'49"E.

4.2.14 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT14)

Koordinat	6°09'14"N 102°13'49"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah tiang 12	
Kod Rumah	RT14	

Jadual 4.14: Borang Inventori bagi RT14

Tipologi rumah keempat belas ini merupakan reka bentuk rumah tiang dua belas. Rumah tradisional ini mempunyai dua belas tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis atap singgora. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah tiang dua belas pada

asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung dan rumah dapur. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'14"N 102°13'49"E.

4.2.15 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT15)

Koordinat	6°09'14"N 102°13'49"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah tiang 12	
Kod Rumah	RT15	

Jadual 4.15: Borang Inventori bagi RT15

Bagi tipologi rumah kelima belas ini merupakan reka bentuk rumah tiang dua belas. Rumah tradisional ini mempunyai dua belas tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis atap singgora. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini kesemua bahagian seperti rumah tiang dua belas pada

asalnya namun anjung telah diubahsuai manakala tebar layar hilang. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'14"N 102°13'49"E.

4.2.16 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT16)

Koordinat	6°09'15 "N 102°13'49"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah tiang 12	
Kod Rumah	RT16	

Jadual 4.16: Borang Inventori bagi RT16

Bagi tipologi rumah keenam belas ini merupakan reka bentuk rumah tiang dua belas. Rumah tradisional ini mempunyai dua belas tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis atap singgora. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah tiang dua belas pada

asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung, rumah dapur dan tebar layar. Semasa pengkaji menjalankan pemerhatian rumah tradisional ini masih dalam proses ubahsuai pada bahagian sebelah tepi rumah. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'15 "N 102°13'49"E.

4.2.17 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT17)

Koordinat	6°09'16"N 102°13'47"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah bujang	
Kod Rumah	RT17	

Jadual 4.17: Borang Inventori bagi RT17

Seterusnya tipologi rumah ketujuh belas ini merupakan reka bentuk rumah bujang. Rumah tradisional ini mempunyai enam tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur tetapi ruang dalam rumah lebih kecil berbanding rumah tiang dua belas dalam erti kata lain lebih sempit. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas

bumbung pula, rumah ini menggunakan bumbung jenis atap singgora. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding tindih kasih dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah bujang pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai seperti anjung, rumah dapur dan tebar layar. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'16"N 102°13'47"E.

4.2.18 TIPOLOGI RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN (RT18)

Koordinat	6°09'15 "N 102°13'44"E	
Tahun Dibina	100 tahun lebih	
Tipologi Rumah	Rumah bujang	
Kod Rumah	RT18	

Jadual 4.18: Borang Inventori bagi RT18

Rumah terakhir bagi kajian tipologi rumah merupakan reka bentuk rumah bujang. Rumah tradisional ini mempunyai enam tiang yang menjadi tunjang utama. Rumah ini mempunyai anjung, rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur tetapi ruang dalam rumah lebih kecil berbanding rumah tiang dua belas dalam erti


kata lain lebih sempit. Pada bahagian bumbung rumah ini menggunakan bumbung jenis panjang mempunyai pemeleh dan tebar layar. Manakala bagi kemas bumbung pula, rumah ini menggunakan *metal deck*. Menurut masyarakat setempat pada asalnya kesemua rumah di kawasan ini menggunakan atap singgora namun bumbung rumah ini telah diubahsuai menggunakan *metal deck*. Dinding luar bangunan rumah menggunakan dinding papan menegak dan lantai rumah yang berpanggung. Reka bentuk rumah ini sebahagian besar seperti rumah bujang pada asalnya namun terdapat beberapa bahagian yang telah diubahsuai iaitu anjung, rumah dapur, tebar layar dan kemas bumbung. Rumah ini terletak pada titik koordinat 6°09'15"N 102°13'44"E.

4.3 LOKASI TABURAN RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN DI KAMPUNG LAUT 1

Kaedah pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji bagi memastikan lokasi taburan rumah tradisional dalam kawasan kajian dengan menggunakan *google maps*. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian bagi mendapatkan maklumat dan koordinat untuk membuat pemetaan lokasi. Setelah mendapatkan maklumat berkaitan rumah tradisional, pengkaji akan menandakan taburan setiap rumah pada peta. Oleh itu, hasil daripada pemerhatian yang dijalankan pengkaji mendapati terdapat sebanyak 18 biji rumah yang masih mengekalkan ciri rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1. Berikut merupakan pemetaan bagi lokasi taburan rumah tradisional di kawasan kajian.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.1 PEMETAAN TABURAN RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN DI KAMPUNG LAUT 1




Rajah 4.1: Lokasi Taburan Rumah di Kampung Laut 1

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Pengkaji akan menerangkan secara terperinci dimanakah terletakinya lokasi setiap rumah tradisional ini di kawasan kajian. Pada rajah di atas menunjukkan lokasi taburan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1. Rumah tradisional kod (RT1) ini terletak pada titik koordinat $6^{\circ}09'14''N$ $102^{\circ}13'44''E$. Koordinat ini diambil daripada *google maps*, rumah ini berdekatan dengan laluan kereta api. Rumah tradisional ini berwarna oren muda dan bumbungnya berwarna merah. Rumah yang seterusnya, adalah rumah kod (RT18) terletak pada kedudukan koordinat $6^{\circ}09'15''N$ $102^{\circ}13'44''E$. Rumah ini terletak berhampiran dengan rumah kod (RT1) dan warna rumah ini berwarna krim. Rumah tradisional yang seterusnya ialah rumah kod (RT17) yang terletak pada titik koordinat $6^{\circ}09'16''N$ $102^{\circ}13'47''E$. Rumah tradisional ini bersebelahan jalan raya utama dan terdapat kedai *coconut shake* di depan rumah tersebut. Rumah ini berwarna oren muda.

Rumah seterusnya, adalah rumah kod (RT12) terletak pada kedudukan koordinat $6^{\circ}09'09''N$ $102^{\circ}13'46''E$. Rumah ini berdekatan dengan laluan kereta api namun jauh ke dalam sedikit berbanding rumah lain. Rumah ini terletak bersebelahan dengan *WFS Food Industries* dan rumah berwarna kuning muda. Rumah tradisional yang seterusnya, adalah rumah kod (RT8) yang terletak pada titik koordinat $6^{\circ}09'12''N$ $102^{\circ}13'48''E$. Rumah ini berada betul ditengah-tengah kawasan Kampung Laut 1 dan rumah tradisional ini berwarna merah jambu. Rumah kod (RT13) pula berkoordinat $6^{\circ}09'13''N$ $102^{\circ}13'49''E$. Rumah ini berwarna oren muda dan masih mengekalkan kemasan bumbung jenis atap singgora. Untuk gambaran yang lebih tepat dapat dilihat daripada gambar rumah dan juga lokasi pada peta yang terdapat berdasarkan rajah dia atas.




Rajah 4.2: Lokasi Taburan Rumah di Kampung Laut 1

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

KELANTAN

Pengkaji akan menerangkan secara terperinci dimanakah terletak lokasi setiap rumah tradisional ini di kawasan kajian. Pada rajah di atas menunjukkan lokasi taburan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1. Rumah tradisional kod (RT2) ini terletak pada titik koordinat $6^{\circ}09'13''\text{N}$ $102^{\circ}13'44''\text{E}$. Koordinat ini diambil daripada *google maps*, rumah ini berdekatan dengan laluan kereta api. Rumah tradisional ini berwarna krim dan bumbungnya berwarna kelabu kerana menggunakan bumbung jenis *asbestos*. Rumah yang seterusnya, adalah rumah kod (RT6) terletak pada kedudukan koordinat $6^{\circ}09'14''\text{N}$ $102^{\circ}13'45''\text{E}$. Rumah ini terletak berhampiran dengan rumah kod (RT5) dan warna rumah ini berwarna krim. Rumah tradisional yang seterusnya ialah rumah kod (RT11) yang terletak pada titik koordinat $6^{\circ}09'14''\text{N}$ $102^{\circ}13'46''\text{E}$. Rumah tradisional ini berhadapan dengan jalan dan rumah ini berwarna merah muda.

Seterusnya, rumah kod (RT3) terletak pada kedudukan koordinat $6^{\circ}09'13''\text{N}$ $102^{\circ}13'45''\text{E}$. Rumah ini bersebelahan dengan rumah kod (RT4) dan rumah berwarna biru muda. Rumah tradisional yang seterusnya, adalah rumah kod (RT7) yang terletak pada titik koordinat $6^{\circ}09'13''\text{N}$ $102^{\circ}13'47''\text{E}$. Rumah ini berada betul ditengah-tengah kawasan Kampung Laut 1 dan rumah tradisional ini berwarna krim dan hijau muda. Rumah kod (RT9) pula berkoordinat $6^{\circ}09'13''\text{N}$ $102^{\circ}13'48''\text{E}$. Rumah ini berwarna biru tua dan bumbung rumah ini berwarna biru. Rumah tradisional ini berada disebelah jalan. Untuk gambaran yang lebih tepat dapat dilihat daripada gambar rumah dan juga lokasi pada peta yang terdapat berdasarkan rajah dia atas.



Rajah 4.3: Lokasi Taburan Rumah di Kampung Laut 1

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

KELANTAN


Pengkaji akan menerangkan secara terperinci dimanakah terletak lokasi setiap rumah tradisional ini di kawasan kajian. Pada rajah di atas menunjukkan lokasi taburan rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1. Rumah tradisional kod (RT5) ini terletak pada titik koordinat $6^{\circ}09'14''\text{N}$ $102^{\circ}13'45''\text{E}$. Koordinat ini diambil daripada *google maps*, rumah ini berhampiran dengan laluan kereta api. Rumah tradisional ini berwarna oren dan bumbungnya berwarna biru kerana menggunakan bumbung jenis *metal deck*. Rumah yang seterusnya, adalah rumah kod (RT10) terletak pada kedudukan koordinat $6^{\circ}09'15''\text{N}$ $102^{\circ}13'48''\text{E}$. Rumah ini terletak berhampiran dengan rumah kod (RT17) dan (RT16), warna rumah ini berwarna coklat manakala bumbung masih mengekalkan kemasan atap singgora. Rumah tradisional yang seterusnya ialah rumah kod (RT16) yang terletak pada titik koordinat $6^{\circ}09'15''\text{N}$ $102^{\circ}13'49''\text{E}$. Rumah tradisional ini bersebelahan jalan raya utama dan rumah ini berwarna kuning muda.

Rumah tradisional yang seterusnya adalah kod (RT4) terletak pada kedudukan koordinat $6^{\circ}09'13''\text{N}$ $102^{\circ}13'45''\text{E}$. Rumah ini bersebelahan dengan rumah kod (RT3) dan rumah ini berwarna coklat seperti warna asal rumah tradisional pada satu ketika dahulu. Rumah yang seterusnya, adalah rumah kod (RT15) yang terletak pada titik koordinat $6^{\circ}09'14''\text{N}$ $102^{\circ}13'49''\text{E}$. Rumah ini berada berhadapan dengan rumah kod (RT14) dan rumah tradisional ini berwarna oren muda. Rumah kod (RT14) pula berkedudukan pada koordinat $6^{\circ}09'14''\text{N}$ $102^{\circ}13'49''\text{E}$. Rumah ini berwarna coklat tua dan bumbung rumah ini masih mengekalkan kemasan bumbung jenis atap singgora pada asalnya. Rumah tradisional ini berada disebelah jalan raya utama dan berhampiran dengan Laman

Warisan Kampung Laut. Untuk gambaran yang lebih tepat dapat dilihat daripada gambar rumah dan juga lokasi pada peta yang terdapat berdasarkan rajah dia atas.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

4.4 TAHAP PENGEKALAN RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN DI KAMPUNG LAUT 1

Berdasarkan pemerhatian semasa kajian lapangan dijalankan oleh pengkaji, adalah dengan mengukur tahap pengekalan rumah tradisional Melayu Kelantan pada keadaan semasa. Tiga tahap pengukuran pengekalan yang dijadikan sebagai panduan dalam pemerhatian ini untuk menyelesaikan objektif ketiga pengkaji iaitu mengukur tahap pengekalan rumah tradisional Melayu Kelantan. Tiga tahap yang dikatakan itu ialah kekal, hilang dan ubahsuai. Perkara yang diukur adalah elemen yang terdapat pada rumah tradisional Melayu Kelantan pada asalnya bagi memudahkan untuk mengumpul data dan menganalisis data untuk kajian ini. Berikut merupakan analisis tahap pengekalan terhadap rumah tradisional Melayu Kelantan yang terdapat di Kampung Laut 1.

4.4.1 TAHAP PENGEKALAN ANJUNG/BERANDA PADA RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN




Jadual 4.19: Tahap Pengekalan Anjung/Beranda

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Jadual di atas menunjukkan graf berkaitan tahap pengekalan bagi anjung/beranda yang terdapat pada rumah tradisional Melayu Kelantan. Hasil daripada pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati sebanyak 17 biji rumah yang telah mengubahsuai anjung/beranda rumah tradisional. Hal ini kerana, pada bahagian anjung mereput akibat cuaca hujan panas yang tidak menentu di sekitar Kampung Laut 1. Selain itu, hanya sebiji rumah kod RT3 sahaja yang masih mengekalkan anjung pada asalnya kerana terdapat binaan bumbung yang menghalang anjung daripada cuaca yang tidak menentu di kawasan tersebut.

4.4.2 TAHAP PENGEKALAN RUMAH IBU PADA RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN



Jadual 4.20: Tahap Pengekalan Rumah Ibu

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Berdasarkan jadual, kesemua rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1 masih kekal menggunakan rumah ibu. Hal ini disebabkan struktur binaan rumah tradisional ini yang kuat dan menggunakan kayu yang berkualiti seperti kayu cengal. Selain itu, rumah ibu ini juga mempunyai ruang yang luas dan selesa kerana berbentuk seperti serambi. Rumah ibu ini juga merupakan elemen penting bagi identiti rumah tradisional masyarakat Melayu Kelantan pada satu ketika dahulu. Oleh itu, rumah ibu pada rekabentuk rumah tradisional Melayu Kelantan merupakan warisan turun-temurun masyarakat dahulu yang masih berdiri utuh hingga sekarang.

4.4.3 TAHAP PENGEKALAN RUMAH TENGAH PADA RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN




Jadual 4.21: Tahap Pengekalan Rumah Tengah

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Melalui jadual, graf ini menunjukkan kesemua rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1 iaitu sebanyak 18 biji rumah masih kekal menggunakan rumah tengah. Hal ini disebabkan, struktur binaan rumah tradisional ini yang kuat dan menggunakan kayu yang berkualiti seperti kayu cengal. Di samping itu, rumah tengah ini merupakan ruang bagi bilik tidur yang terdapat dalam rumah tradisional tersebut. Rumah tengah ini juga merupakan elemen penting bagi identiti rumah tradisional masyarakat Melayu Kelantan pada satu ketika dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, rumah tengah yang terdapat pada rekabentuk rumah tradisional Melayu Kelantan merupakan warisan turun-temurun masyarakat dahulu yang masih berdiri utuh hingga sekarang.

4.4.4 TAHAP PENGEKALAN RUMAH DAPUR PADA RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN




Jadual 4.22: Tahap Pengekalan Rumah Dapur

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Jadual di atas menunjukkan graf berkaitan tahap pengekalan bagi rumah dapur yang terdapat pada rumah tradisional Melayu Kelantan. Hasil daripada pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati sebanyak tiga belas biji rumah yang telah mengubahsuai bahagian rumah dapur. Hal ini kerana, pada bahagian rumah dapur pada masa dahulu dibina sedikit kecil dan sempit. Masyarakat pada masa kini lebih gemar pada ruang yang lebih besar bagi keselesaan untuk memasak di bahagian ruangan dapur. Di samping itu, terdapat lima biji rumah yang masih kekal menggunakan rumah dapur yang dibina pada masa dahulu. Oleh itu, dengan adanya lima buah biji rumah tradisional yang masih mengekalkan

rumah dapur ini, kita dapat melihat struktur binaan sebenar yang dibina oleh masyarakat dahulu pada asalnya.

4.4.5 TAHAP PENGEKALAN TEBAR LAYAR PADA RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN




Jadual 4.23: Tahap Pengekalan Tebar Layar

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Melalui jadual di atas menunjukkan graf berkaitan tahap pengekalan bagi tebar layar yang terdapat pada rumah tradisional Melayu Kelantan. Hasil daripada pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati sebanyak sebelas biji rumah yang telah mengubahsuai bahagian tebar layar. Hal ini kerana, pada bahagian tebar layar mudah untuk terkena tempas hujan. Oleh sebab itu, pemilik rumah tradisional ini mengubahsuai untuk mengelakkan daripada air hujan masuk ke

dalam rumah. Dalam masa yang sama, tebar layar pada dua buah biji rumah hilang pada tempat asalnya. Di samping itu, terdapat lima biji rumah yang masih kekal menggunakan tebar layar yang dibuat pada masa dahulu. Oleh itu, dengan adanya lima buah biji rumah tradisional yang masih mengekalkan komponen tebar layar ini, kita dapat melihat struktur binaan sebenar yang dibina oleh masyarakat dahulu pada asalnya yang mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri.

4.4.6 TAHAP PENGEKALAN PEMELEH PADA RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN




Jadual 4.24: Tahap Pengekalan Pemeleh

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Jadual di atas menunjukkan graf berkaitan tahap pengekaln bagi pemeleh yang terdapat pada rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1,

Tumpat, Kelantan. Hasil daripada pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati sebanyak 17 biji rumah yang masih mengekalkan pemeleh pada asalnya kerana untuk menutup kayu kasau pada bahagian bumbung malah pemeleh ini juga merupakan komponen penting dalam seni bina rumah tradisional Melayu di Pantai timur terutamanya negeri Kelantan. Sementara itu, hanya sebiji rumah sahaja daripada lapan belas yang telah mengubahsuai pemeleh ini. Hal ini kerana, pemilik rumah tradisional tersebut telah mengubahsuai keseluruhan reka bentuk bumbung akibat terkena ribut pada dahulunya.

4.4.7 TAHAP PENGEKALAN LANTAI BERPANGGUNG PADA RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN




Jadual 4.25: Tahap Pengekalan Lantai Berpanggung

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Berdasarkan jadual, kesemua rumah tradisional Melayu Kelantan iaitu sebanyak lapan belas buah biji rumah di Kampung Laut 1 masih kekal dengan menggunakan lantai berpanggung pada bahagian rumah ibu dan rumah tengah. Hal ini disebabkan struktur binaan rumah tradisional ini yang kuat dan menggunakan kayu yang berkualiti seperti kayu cengal dan lain-lain lagi. Selain itu, lantai berpanggung ini dibina pada masa dahulu bertujuan untuk mengatasi kelembapan tanah dan untuk pengudaraan semulajadi yang bebas dan baik. Lantai berpanggung ini juga merupakan elemen penting bagi identiti rumah tradisional masyarakat Melayu Kelantan pada satu ketika dahulu. Oleh itu, lantai berpanggung pada reka bentuk rumah tradisional Melayu Kelantan merupakan warisan turun-temurun masyarakat dahulu yang masih berdiri utuh hingga sekarang. Walaupun demikian, lantai berpanggung pada bahagian rumah dapur hanya sebanyak lapan buah biji rumah manakala lagi sepuluh buah rumah telah mengubahsuai atas faktor tertentu seperti memperbesarkan ruang pada rumah dapur.

4.4.8 TAHAP PENGEKALAN DINDING PADA RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN




Jadual 4.26: Tahap Pengekalan Dinding

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Melalui jadual di atas menunjukkan graf berkaitan tahap pengekalannya bagi dinding pada bahagian luar rumah yang terdapat pada rumah tradisional Melayu Kelantan. Hasil daripada pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati sebanyak sebelas biji rumah yang menggunakan dinding jenis tindih kasih. Dinding tindih kasih ini digunakan pada bahagian luar rumah untuk menunjukkan susunan papan secara teratur dan teliti malah membuatkan dinding bahagian luar rumah menarik dan mempunyai nilai estetik yang tersendiri. Selain itu, terdapat juga rumah tradisional di lokasi kajian yang menggunakan dinding jenis papan menegak. Penggunaan dinding papan menegak ini kebanyakannya pada tipologi rumah bujang Kelantan. Oleh itu, dengan adanya dinding jenis tindih kasih dan

papan menegak ini dapat memberi gambaran sebenar reka bentuk rumah tradisional Melayu Kelantan yang mempunyai keunikannya.

4.4.9 TAHAP PENGEKALAN KEMASAN BUMBUNG PADA RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN



Jadual 4.27: Tahap Pengekalan Kemasan Bumbung

Sumber: Kajian Lapangan (2023)

Jadual di atas menunjukkan, sebanyak sepuluh buah biji rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1 masih kekal dengan menggunakan kemasan bumbung jenis atap singgora. Hal ini menunjukkan kelainan yang terdapat pada kemasan bumbung rumah tradisional Melayu di Kelantan. Seterunya, terdapat sebanyak lima buah biji rumah tradisional yang telah mengubahsuai kemasan bumbung daripada atap singgora kepada kemasan bumbung jenis *metal deck*.

Rumah-rumah ini menggunakan *metal deck* kerana mudah untuk didapati di pasaran pada masa sekarang dan tidak mudah rosak atau tercabut berbanding atap singgora. Akhir sekali, sebanyak tiga buah rumah tradisional di kawasan kajian menggunakan kemas bumbung jenis lain-lain seperti *asbestos*. Hal ini disebabkan, harga untuk sekeping bumbung jenis *asbestos* berbanding kemas bumbung yang lain. Oleh itu, dengan adanya sepuluh buah biji rumah yang masih mengekalkan penggunaan atap singgora ini menunjukkan identiti sebenar dan keistimewaan yang terdapat pada rumah tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan.

4.5 RUMUSAN

Kelantan Darul Naim terkenal dengan negeri yang banyak sejarah dan warisannya yang tersendiri malah mempunyai dua tipologi rumah tradisional Melayu yang diguna pakai dan terkenal dalam kalangan masyarakat terdahulu iaitu Rumah Tiang Dua Belas Kelantan dan Rumah Bujang Kelantan. Dua tipologi rumah tradisional ini dapat dilihat dan terletak Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan. Rumah tradisional Melayu Kelantan ini berdekatan dengan Laman Warisan Kampung Laut dan taburan bagi setiap rumah tradisional ini semuanya berdekatan antara satu sama lain. Secara tuntasnya, tahap pengekalan bagi rumah tradisional Melayu Kelantan ini dapat disimpulkan masih lagi berdiri teguh pada tapak asalnya dan terdapat beberapa elemen dan komponen yang merupakan identiti rumah tradisional ini mengalami pengubahsuaian.

BAB 5:

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan memberikan penerangan menyeluruh tentang analisis dan kesimpulan kajian. Rumusan, cadangan dan penutup dibentuk, hasil daripada Kajian Kes: Rumah Tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan. Oleh itu, pengkaji akan memberikan rumusan tentang ketiga-tiga objektif kajian dan beberapa cadangan untuk memberikan gambaran yang lebih baik tentang kajian yang dijalankan oleh pengkaji untuk masa akan datang.

Selain itu, setelah menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa masih wujud beberapa buah biji rumah tradisional Melayu Kelantan di lokasi kajian. Seterusnya, dengan masih lagi wujudnya rumah tradisional ini dapat memberikan peluang untuk pengkaji mengenali tipologi rumah tradisional Melayu Kelantan yang terdapat di sekitar Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan. Di samping itu, hasil daripada kajian ini pengkaji dapat menanda koordinat lokasi taburan rumah tradisional Melayu Kelantan di kawasan kajian. Dalam kajian ini juga pengkaji telah mengukur tahap pengekalan rumah tradisional sebanyak 18 buah biji rumah yang masih kekal hingga kini. Hal ini kerana, untuk memastikan keadaan semasa rumah tradisional Melayu Kelantan dalam keadaan yang baik melalui pemerhatian yang dijalankan. Rumusan dan cadangan yang diberikan dalam bab ini adalah berkaitan dengan ketiga-tiga perkara yang diterangkan oleh pengkaji di atas.

5.2 RUMUSAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam Kajian Kes: Rumah Tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan, adalah berkesan. Oleh itu, kaedah pemerhatian yang digunakan dalam kawasan kajian sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat tentang objektif pertama, kedua dan ketiga.

Melalui kaedah pemerhatian dan dibantu dengan penggunaan borang inventori, pengkaji dapat mengkaji tipologi rumah tradisional Melayu Kelantan di kawasan kajian. Pengkaji mengkaji tipologi bagi setiap rumah yang berjaya dijumpai melalui anjung, tebar layar, pemeleh, kemasan bumbung dan lain-lain lagi. Hasil daripada kajian yang dilakukan ini, pengkaji dapat menyimpulkan di sekitar Kampung Laut 1 masih terdapat dua tipologi rumah tradisional Melayu Kelantan iaitu Rumah Tiang Dua Belas Kelantan dan Rumah Bujang Kelantan.

Selain itu, hasil daripada pemerhatian pengkaji telah menemui 18 buah rumah buah biji rumah tradisional di kawasan kajian. Di dalam peta kawasan kajian, pengkaji telah menandakan lokasi taburan setiap rumah tradisional. Pengkaji menggunakan *Google Maps* untuk membuat peta kawasan kajian, dan mereka meletakkan gambar setiap rumah tradisional yang ditemui bersama-sama dengan kod yang direka oleh pengkaji.

Di samping itu, hasil dapatan kajian yang ketiga ini dibantu dengan kaedah pemerhatian dan penggunaan borang inventori berkenaan pengukuran tahap pengejalan

rumah tradisional Melayu Kelantan. Sebanyak 18 buah biji rumah tradisional yang terlibat dalam kajian ini kerana reka bentuk rumah dan tapak masih pada yang asal. Hal ini menunjukkan masih terdapat pemilik rumah yang masih sayang akan reka bentuk rumah tradisional Melayu Kelantan namun pada bahagian tertentu setiap rumah telah diubahsuai kerana faktor-faktor yang mengakibatkan pengubahsuaian berlaku pada rekabentuk rumah tradisional ini.

5.3 CADANGAN

Cadangan merupakan satu tindakan yang boleh diambil oleh mana-mana pihak, hasil daripada kajian pengumpulan data dan menganalisis data yang dilakukan melalui Kajian Kes: Rumah Tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan. Antara cadangan yang terbaik bagi mengekalkan rumah tradisional yang masih wujud pada abad ini adalah bermula dengan diri sendiri. Masyarakat pada era ini daripada pelbagai lapisan umur haruslah sedar akan kepentingan dalam mengekalkan rumah tradisional sebagai satu khazanah warisan negara yang telah lama bertapak di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana, rumah tradisional ini merupakan tinggalan masyarakat terdahulu yang mempunyai sejarah dan nilai yang penting untuk generasi akan datang mengenai asal usul seni bina yang terdapat di negara ini. Oleh itu, untuk memahami kepentingan rumah tradisional ini, seseorang mesti belajar terlebih dahulu tentang hubungan formal atau tidak formal dengan rumah tradisional Melayu Kelantan ini. Pembacaan artikel, dan buku-buku ilmiah adalah salah satu cara untuk mengajar orang ramai. Sebagai contoh, orang ramai boleh membaca tentang seni bina dan reka bentuk rumah tradisional untuk pengetahuan diri sendiri. Dengan berbuat demikian, rumah tradisional ini dapat dijaga untuk masa akan datang.

Di samping itu, pihak kerajaan juga perlulah memainkan peranan penting dalam mengekalkan rumah tradisional di negara kita supaya tidak ditelan dek zaman. Sebagai contoh, dengan keupayaan kerajaan untuk menyediakan dana khas untuk menampung kos pemuliharaan rumah tradisional yang masih kekal hingga kini. Dana ini boleh diberikan bukan sahaja dari segi kewangan, tetapi juga melalui tenaga pakar yang mahir dalam pembuatan atau membaik pulih rumah tradisional. Hal ini kerana, pada hakikatnya, rumah tradisional memerlukan tenaga pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang pemuliharaan kerana setiap langkah yang dibuat perlu disusun dengan rapi agar tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan terhadap rumah tradisional. Pihak kerajaan juga boleh melakukan perkara ini dengan mewartakan rumah tradisional yang penting sebagai warisan kebangsaan. Oleh itu, Jabatan Warisan Negara (JWN) boleh menawarkan perlindungan pemeliharaan dan pemuliharaan kepada rumah yang telah diwartakan secara tidak langsung. Walaupun demikian, pihak kerajaan perlu bekerjasama dengan pihak swasta dan pelbagai lagi perbadanan untuk mengekalkan dan melestarikan rumah tradisional. Kesudahannya, dapat mewujudkan kerjasama yang baik antara dua pihak dan yang lebih penting adalah untuk mengekalkan warisan rumah tradisional yang terdapat di negara ini.

Selain itu, pengkaji mencadangkan pihak institusi pendidikan tinggi mahupun rendah memperbanyakkan usaha dalam mengekalkan rumah tradisional Melayu Kelantan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemikiran pelajar perlu dipupuk supaya terus memahami dan mengetahui kepentingan dalam mengekalkan rumah tradisional di negara kita. Contohnya, pada awal semester terutama pelajar baru seperti tahun satu di institusi

pendidikan tinggi boleh mencipta satu subjek utama yang berkaitan dengan warisan terutamanya dalam seni bina dan reka bentuk rumah tradisional. Semua institusi pengajian tinggi harus mempelajari subjek asas ini supaya mereka tahu bahawa betapa pentingnya warisan ini untuk negara yang tercinta ini. Seterusnya, mahasiswa akan memperoleh pemahaman yang mendalam tentang warisan dan budaya Masyarakat dahulu melalui subjek ini, terutamanya dengan pendedahan kepada rumah tradisional, termasuk reka bentuk, nilai seni bina dan kebijakan pembinaan rumah tradisional dari sudut sains dan falsafah. Hal ini kerana, di peringkat institusi memerlukan pendedahan sedikit sebanyak dapat mengajar pelajar tentang kepentingan rumah tradisional. Pihak institusi juga boleh menggunakan lawatan sambil belajar sebagai kaedah tambahan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar. Sebagai contoh, melawat ke lokasi semasa proses-proses konservasi bangunan dilakukan. Dalam pada itu, dapat mengajar pelajar tentang kepentingan rumah tradisional ini kepada warisan negara. Oleh itu, jelas bahawa institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam mengekalkan rumah tradisional Melayu Kelantan di negara kita.

5.4 PENUTUP

Kesimpulannya, penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji iaitu melibatkan Kajian Kes: Rumah Tradisional Melayu Kelantan di Kampung Laut 1, Tumpat, Kelantan berkemungkinan dapat memberi maklumat baharu kepada pengkaji dan pembaca yang seterusnya. Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa masih terdapat beberapa buah rumah tradisional Melayu Kelantan di sekitar kawasan kajian. Setiap rumah yang ditemui di kawasan kajian, terutamanya kemas bumbung seperti atap singgora, adalah unik kerana diperbuat daripada tanah liat dan secara tradisional menggunakan tenaga mahir manusia. Seterusnya, masyarakat mungkin tidak mengetahui bahawa di Kelantan terutamanya Kampung Laut 1 terdapat dua tipologi rumah tradisional iaitu Rumah Tiang Dua Belas Kelantan dan Rumah Bujang Kelantan. Hal ini kerana, terdapat kesedaran pada pemilik rumah tradisional ini untuk terus menjaga keunikan dan keistimewaan pada rumah-rumah ini. Oleh itu, kebanyakan rumah tradisional di Kampung Laut 1 masih berdiri kukuh dan kuat pada asalnya di tapak yang dibina. Oleh sebab itu, pengkaji berharap kajian ini akan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, sama ada yang ingin menjalankan kajian lanjut mahupun sekadar membacanya sebagai maklumat tambahan. Pengkaji juga berharap kajian ini dapat meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya tahap pengekalan rumah tradisional ini kerana rumah tradisional kian pupus pada zaman pemodenan ini. Natijahnya, pengkaji berharap kajian ini dapat digunakan sebaiknya dalam melakukan kajian yang selanjutnya yang mungkin berkait rapat dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir, W. H. (1994). *Rumah Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
- Abror, F. M. (2016, November 9). *UNIVERSITAS GUNADARMA*. Retrieved from wordpress: <https://fachrimuhammadabror.wordpress.com/2016/11/09/rumah-kelantan-malaysia/>
- Fadhlina Ahmad, R. N. (2012). Pengaruh kedatangan Islam terhadap senibina dan ornamentasi pada rumah tradisional Melaka. *The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago*, 1-13.
- Mashitah Sulaiman, M. N. (2021). KEARIFAN TEMPATAN DALAM SENI BINA RUMAH TRADISIONAL MELAYU: WARISAN BERNILAI YANG. *USIM RESEARCH REPOSITORY*, 1-54.
- Sudarmin. (2014). PEMETAAN RUMAH TRADISIONAL MELAYU RIAU. *Arsitektur Melayu dan Lingkungan*, 1-18.
- Teddy Hartawan, E. R. (2018). PEMETAAN DAN IDENTIFIKASI BANGUNAN BERSEJARAH DI KOTA TUA AMPENANMATARAM NUSA TENGGARA BARAT. *Sangkareang Mataram*, 1-6.
- YAHYA, M. A. (1995). *SIMBOLISME DALAM SENI BINA RUMAH MELAYU KELANTAN*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, a. H. (2013). Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara. *UKM Journal Article Repository*, 1-14.

YUSZAIDY MOHD YUSOFF, H. D. (2011). AKTA WARISAN KEBANGSAAN,
2005: TINJAUAN. *Jurnal Melayu*, 1-16.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.

www.umk.edu.my

Tel : 09-7797000/7540

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
Faculty of Creative Technology and Heritage

Ruj. Kami (*Our Ref.*) : UMK.A02.600-4/7/2 JLD.21 (28)

Tarikh (*Date*) : 06 OGOS 2023

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN LAPANGAN/ TEMURAMAH BAGI KURSUS PROJEK PENYELIDIKAN II (CFT4134)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ temuramah di organisasi tuan bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan II (CFT4134) . Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:


Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program
1.	Badrul Hamizan Bin Usrizan	C20A0947	000527-07-0321	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan. Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


PROF. MADYA DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF
Timbalan Dekan (Akademik)

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



**BORANG IVENTORI KAJIAN RUMAH TRADISIONAL
MELAYU KELANTAN DI KAMPUNG LAUT.**

Tandakan (/) pada kotak dibawah.

Kod Rumah:

MAKLUMAT RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN			
Koordinat			
Tarikh			
Alamat Rumah			
Tahun Dibina			
Tipologi Rumah	Rumah Tang 12 <input type="checkbox"/>	Rumah Bajang <input type="checkbox"/>	Lain-lain <input type="checkbox"/>
TAHAP PENGEKALAN RUMAH TRADISIONAL MELAYU KELANTAN			
1. Anjung/Beranda	Kekal <input type="checkbox"/>	Hilang <input type="checkbox"/>	Ubahsui <input type="checkbox"/>
2. Rumah Ibu	Kekal <input type="checkbox"/>	Hilang <input type="checkbox"/>	Ubahsui <input type="checkbox"/>
3. Rumah Tengah	Kekal <input type="checkbox"/>	Hilang <input type="checkbox"/>	Ubahsui <input type="checkbox"/>
4. Rumah Dapur	Kekal <input type="checkbox"/>	Hilang <input type="checkbox"/>	Ubahsui <input type="checkbox"/>
5. Tebar Layar	Kekal <input type="checkbox"/>	Hilang <input type="checkbox"/>	Ubahsui <input type="checkbox"/>
6. Peneleh	Kekal <input type="checkbox"/>	Hilang <input type="checkbox"/>	Ubahsui <input type="checkbox"/>
7. Lantai Berpanggung	Rumah Ibu <input type="checkbox"/>	Rumah Tengah <input type="checkbox"/>	Rumah Dapur <input type="checkbox"/>
8. Dinding	Janda Berhias <input type="checkbox"/>	Tindih Kasih <input type="checkbox"/>	Papan Menegek <input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="checkbox"/>
9. Kerasan Bumbung	Atap Singgah <input type="checkbox"/>	Metal Deck <input type="checkbox"/>	Zink <input type="checkbox"/> Lain-lain <input type="checkbox"/>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar diambil ketika pengkaji menjalankan kajian lapangan secara pemerhatian di kawasan kajian.